



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### **MESYUARAT *NUCLEAR ENERGY COOPERATION* SUB-SECTOR NETWORK (NEC-SSN): PLATFORM STRATEGIK NEGARA-NEGARA ASEAN TELITI POTENSI TENAGA NUKLEAR**

KUALA LUMPUR, 1 Mei 2025 – Mesyuarat NEC-SSN ke-15 telah menjadi platform strategik negara-negara ASEAN untuk meneliti prospek tenaga nuklear sebagai sumber bekalan elektrik yang bersih dan stabil yang berpotensi menggantikan sumber penjanaan daripada bahan api fosil bagi menyokong agenda peralihan tenaga serantau.

Mesyuarat NEC-SSN yang ke-15 dan mesyuarat berkaitan yang berlangsung pada 28 sehingga 30 April 2025 tersebut merupakan anjuran secara bersama oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dengan pihak *ASEAN Centre for Energy* (ACE) dan dipengerusikan oleh Filipina. Ia melibatkan wakil-wakil daripada negara-negara anggota ASEAN secara fizikal dan dalam talian iaitu Thailand, Indonesia, Kemboja, Filipina, Vietnam, Singapura dan Malaysia sebagai tuan rumah, serta Timor-Leste sebagai pemerhati.

Antara perkara dibincangkan adalah cadangan bidang tumpuan (*focus area*) bagi penggubalan strategi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan melalui sektor *Civilian Nuclear Energy* (CNE) di bawah *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) 2026-2030 dan ianya akan dibentang serta dipertimbangkan semasa *ASEAN Senior Officials' Meeting on Energy* (SOME) pada Jun 2025 di Kuching, Sarawak. Mesyuarat juga turut memperhalusi senarai potensi aktiviti yang boleh dilaksanakan di bawah sektor CNE. Selain itu, aktiviti-aktiviti sektor CNE telah dibincang dan dipersetujui dalam mesyuarat ini untuk dijadikan sasaran di bawah APAEC 2026-2030.

Dalam mesyuarat ini, perbincangan telah diadakan bersama Rakan Dialog (*Dialogue Partners* - DP) dan Organisasi Antarabangsa (*International Organisation* - IO) seperti *Korea Nuclear Association* (KNA), *ASEAN Business Council* (CABC), *Integrated Support Center for Nuclear Nonproliferation and Nuclear Security* (ISCN), *Japan Atomic Energy Agency* (JAEA) dan *Global Centre for Nuclear Energy Partnership* (GCNEP) yang akan bekerjasama bagi membantu ASEAN dalam membangunkan lanskap tenaga nuklear di rantau ini. DP dan IO tersebut juga telah berkongsi pengalaman mereka dalam program pembangunan tenaga nuklear yang melibatkan penggubalan dasar, keselamatan, perundangan, program literasi tenaga nuklear, dan pembangunan sumber manusia yang diperlukan sebagai persediaan untuk ASEAN mengadaptasi tenaga nuklear.

Melalui kerjasama serantau ini, Malaysia dan negara-negara ASEAN menunjukkan komitmen untuk mencari penyelesaian jangka panjang terhadap cabaran tenaga, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membina masa depan yang lebih mampan dan selamat untuk generasi akan datang.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

### **1 Mei 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

